

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 18.11.2016

SOALAN :

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan kes cabul yang melibatkan cikgu dan murid yang diterima setiap tahun sejak 2010 dan apakah hasil siasatan kes-kes tersebut terutama aduan terhadap seorang guru di Hulu Selangor yang didakwa mencabul sekurang-kurangnya sembilan orang pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 15 kes cabul yang melibatkan guru dan murid telah dilaporkan sehingga Oktober 2016. Bagi setiap kes yang dilaporkan, pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan siasatan dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut prosedur sedia ada KPM seperti berikut :

- a) Guru tersebut diletakkan di bawah pemantauan dan seliaan Kaunselor JPN;
- b) Murid-murid yang terlibat diberi sesi kaunseling oleh kaunselor sekolah;
- c) Memindahkan guru tersebut ke daerah lain; dan

d) JPN akan mengambil tindakan tatatertib terhadap guru tersebut setelah mendapat keputusan pihak mahkamah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kes seorang guru di Hulu Selangor yang didakwa mencabul beberapa orang murid, KPM telah menjalankan siasatan dalaman. Hasil siasatan dalaman menunjukkan kes tersebut perlu dirujuk kepada pihak polis. Oleh itu KPM akan bekerjasama rapat dengan pihak PDRM untuk menyelesaikan kes tersebut mengikut undang-undang sedia ada. Dalam tempoh siasatan tersebut, KPM telah mengambil tindakan sewajarnya.

RJM17